



PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

SURAT PEKELILING PTPTN BILANGAN 1 TAHUN 2010

**PINDAAN SYARAT KELAYAKAN PEMBERIAN GERAN SEPADAN
SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL (SSPN)**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai pindaan syarat kelayakan Geran Sepadan daripada pendapatan keluarga pendeposit semasa pembukaan akaun SSPN kepada pendapatan keluarga semasa pengeluaran simpanan atau penutupan akaun.

LATAR BELAKANG

2. Salah satu keistimewaan SSPN adalah pemberian Geran Sepadan secara percuma sehingga RM10,000 kepada setiap keluarga yang layak. Melalui Pekeliling PTPTN Bilangan 5 Tahun 2007, tahap kelayakan Geran Sepadan telah dinaikkan daripada pendapatan bulanan keluarga RM1,200 kepada RM2,000. Ini bermakna pendeposit boleh menuntut Geran Sepadan sekiranya memenuhi syarat berikut:

- (a) pendapatan bulanan keluarga (gaji pokok) tidak melebihi RM2,000 semasa pembukaan akaun SSPN;
- (b) penerima manfaat (anak) diterima dan mendaftar masuk ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang diiktiraf oleh Kerajaan pada peringkat diploma dan ke atas; dan
- (c) penerima manfaat hendaklah berumur kurang daripada 29 tahun semasa permohonan pengeluaran Geran Sepadan.

PELAKSANAAN PINDAAN

3. Dalam usaha untuk memastikan hanya pendeposit daripada keluarga berpendapatan rendah sahaja diberikan Geran Sepadan, PTPTN telah menetapkan bahawa penentuan pendapatan keluarga pendeposit hendaklah dilakukan semasa pengeluaran atau penutupan akaun, bukannya semasa pembukaan akaun SSPN. Pindaan dilakukan setelah mengambil kira kemungkinan terdapat pendeposit yang berubah status pendapatan keluarga mereka selepas beberapa tahun membuka akaun SSPN. Walaubagaimanapun

bagi pendeposit sedhada yang membuka akaun sebelum 15 Januari 2010, penentuan kelayakan Geran Sepadan adalah kekal iaitu berasaskan pendapatan keluarga pendeposit semasa pembukaan akaun.


TARIKH KUAT KUASA

4. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa bagi pembukaan akaun mulai **15 Januari 2010**.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,



(YUNUS BIN ABD GHANI)

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

Tarikh : 12/01/2010